

Lembah Klang dapat velodrom

PETALING JAYA: Sebuah velodrom terbuka bakal dibina di Lembah Klang bertujuan kegunaan orang ramai selepas perkara itu disuarakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh.

Idea itu tercetus selepas beliau melakukan lawatan ke pusat latihan jaguh berbasikal trek negara, Datuk Azizulhasni Awang di Melbourne, Australia dan beliau turut dibawa ke Velodrom Brunswick yang berkonsepkan terbuka dan asas.

Hannah berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi



Jika kita nak buat velodrom tertutup, ia memerlukan penyaman udara dan pelbagai lagi maka kos akan meningkat.”

HANNAH YEOH

mengenal pasti lokasi yang beresuaian sebelum memulakan pembinaan velodrom berkon-

sepkan terbuka dan asas.

“John (Beasley) mencadangkan di kawasan Lembah Klang sebab kita mempunyai komuniti berbasikal yang besar tetapi tiada velodrom di sini (Kuala Lumpur). Mereka mencadangkan supaya velodrom dibuat terbuka dan asas supaya kurang kos penyelenggaraan.

“Jika kita nak buat velodrom tertutup, ia memerlukan penyaman udara dan pelbagai lagi maka kos akan meningkat,” kata Hannah kepada pemberita selepas melancarkan Program Senamrobik Komuniti Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024

di Dataran Perumahan Awam Seri Selangor, semalam.

Dalam pada itu, Hannah berharap gaya hidup sihat dapat diamalkan oleh rakyat Malaysia dengan tumpuan awal diberikan kepada 43 Projek Perumahan Awam (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di sekitar Kuala Lumpur selepas melancarkan Program Senamrobik Komuniti.

Program tersebut diberi secara percuma oleh KBS menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) membabitkan peruntukan bernilai RM430,000 meliputi 43 kawasan dalam

tempoh setahun.

“Melalui program ini, yuran jurulatih dibayar oleh KBS dan perkhidmatan ini diberikan percuma sepanjang tahun untuk penduduk PPR. Kejayaan program ini sangat bergantung kepada persatuan penduduk dan rukun tetangga serta juga Ahli Parlimen masing-masing.

“Sekiranya berjaya di kawasan Kuala Lumpur, kita nak tengok bagaimana kita boleh kembangkan lagi program ini di negeri-negeri lain. Kita pilih PPR di Kuala Lumpur kerana penduduk yang padat selain kurang kawasan rekreasi,” ujarnya.